



SIRAM...Sultan Sharafuddin menyiram pokok - selepas majlis perasmian SISFEC.

Mahu 999 tahun

Sultan Selangor harap perjanjian urus Hutan Simpan Ayer Hitam diubah

>>Oleh Abdullah Wahab

abwahab@hmetro.com.my

PUCHONG: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berharap kerajaan negeri mengubah tempoh perjanjian 80 tahun kepada 999 tahun perjanjian persefahaman Hutan Simpan Ayer Hitam, di sini, dengan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Baginda berkata, ia bagi memastikan fungsinya sebagai kawasan hijau, pusat pemeliharaan sumber genetik, pusat pendidikan dan penyelidikan Fakulti Perhutanan UPM diteruskan selamanya.

"Berdasarkan kekayaan dan kepelbagaiannya biologi ini, Hutan Simpan Ayer Hitam dipelihara dan dilindungi daripada sebarang gangguan penggunaan yang merosakkan.

"Selain itu, kajian saintifik terus diadakan dengan memperincikan kajian kepada seluruh ka-

wasan yang ada bagi menjelaki sumber genetik terbaru yang ada di dalam hutan ini," katanya.

Baginda berkata demikian ketika mengisyiharkan penamaan dan pembukaan Pusat Pendidikan Perhutanan Sultan Idris Shah (SISFEC) UPM di sini, semalam.

Hadir sama, mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Tun Jeanne Abdullah; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Naib Canselor UPM Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi.

SISFEC berharga RM18 juta akan menjadi mercu tanda khususnya kepada UPM untuk melihara khazanah hutan.

Perjanjian persefahaman antara kerajaan negeri dengan UPM dibuat pada 1996 dengan memberi kebenaran untuk mengurus dan membangunkan Hutan Simpan Ayer Hitam seluas 1,176.1 hektar untuk tempoh 80 tahun.